

## KISAH SI ANAK KECIL YANG TABAH HIDUP TANPA BAPA

Muhammad Izzuddin bin Zulkipli, 1171214,  
Fakulti Pengajian Bahasa Utama (FPBU), Universiti Sains Islam Malaysia (USIM)

*Disiarkan pada 11 Ogos 2020*



Tidak pernah terlintas dalam fikiran saya untuk menyertai program kesukarelaan yang dianjurkan pihak fakulti Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) di salah sebuah rumah anak yatim di Port Dickson, Negeri Sembilan.

Walaupun terpaksa menyertai program tersebut, ia meninggalkan kesan yang sangat mendalam kepada diri saya untuk bangkit dan menjadi manusia yang lebih baik.

Kali pertama menjejakkan kaki di situ, saya berasa sangat tenang kerana disambut dengan senyuman daripada anak-anak di rumah tersebut.

Walaupun mereka tidak tinggal bersama keluarga, kemesraan dan keceriaan yang ditunjukkan melalui raut wajah mereka jelas menunjukkan kebahagiaan mereka sebagai satu keluarga di situ.

Kami ditugaskan untuk menjaga setiap kumpulan yang terdiri daripada anak-anak pelbagai usia ketika program dijalankan.

Entah kenapa mata saya tertumpu pada seorang anak kecil yang agak aktif dalam kumpulan ini. Usianya lebih muda daripada anak-anak lain.

Apabila ditanya mengenai latar belakang dirinya, riak muka yang ceria tadi tiba-tiba berubah. Air mukanya kelihatan sedih.

Dia merupakan anak yatim yang kehilangan bapanya sejak berusia dua tahun. Dengan reaksi yang tenang dia menceritakan serba sedikit mengenai keluarganya.

Saya amat kagum dengan ketabahan anak kecil ini lalu memberikan senyuman kerana kagum dengan ketabahannya sambil menepuk-nepuk bahunya.

Walaupun kelihatan sedih, dia tetap bersemangat menceritakan serba sedikit tentang keluarganya. Sambil duduk bersila, dia menyambung tentang usaha ibunya mencari rezeki dengan menjual kuih bagi menyara keluarga.

Dia cuba untuk mendekati diri dengan saya sepanjang program tersebut dan memanggil saya dengan panggilan 'abang'.

Keinginan untuk mengenali dengan lebih rapat tentang anak kecil ini bukan disebabkan perasaan simpati, tetapi kerana ketabahan yang ditunjukkannya dalam meneruskan kehidupan pada usia yang sangat muda selepas ketiadaan ayah.

Pada penghujung program, anak kecil tersebut mengajak saya bergambar bersama sebagai kenangan dan memberi pesanan sebelum kami pulang.

Antara pesanan yang diberikan adalah agar mendoakan dirinya menjadi anak yang soleh dan berjaya dalam kehidupan untuk membantu keluarga.

Pada ketika itu saya merasa sungguh terharu dan tersentuh dengan perkara yang diminta oleh anak kecil tersebut.

Bagi saya, kehilangan individu yang sangat disayangi dan juga insan terpenting dalam keluarga amatlah pedih dan akan mengambil masa yang lama untuk menyesuaikan diri.

Namun, dengan semangat yang kuat dan kekuatan diri yang tinggi untuk menerima setiap dugaan hidup, keluarga anak kecil ini mampu meneruskan hidup dengan tabah dan bahagia.